

Published biannually by:  
**Faculty of Islamic Civilisation Studies,  
Universiti Islam Selangor (UIS)**

📍 Bandar Seri Putra, 43000, Bangi, Selangor (Darul Ehsan), Malaysia

☎ 603-8911 7167 📠 +603-8925 4402






✉ info@kuis.edu.my

🌐 <https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad>



# *I'dilū Huwa Aqrab li al-Taqwā: Analysis of Quranic Exegetes' Discourse on Surah al-Mā'idah [5] verse 8 in Preserving Community Harmony*


*I'dilū Huwa Aqrab li al-Taqwā: Analisis Wacana Mufasirun Pada Surah al-Mā'idah [5] ayat 8 dalam Melestarikan Keharmonian Masyarakat*

Abur Hamdi Usman  , Zaidul Amin Suffian Ahmad , & Bayu Taufiq Possumah  

To cite this article:

Usman, A. H., Ahmad, Z. A. S., & Possumah, B. T. (2024). *I'dilū Huwa Aqrab li al-Taqwā: Analisis wacana mufasirun pada surah al-Mā'idah [5] ayat 8 dalam melestarikan keharmonian masyarakat*. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 9(2), 1292-1305. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v9i2.479>

To link this article:

 <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v9i2.479>

Full Terms & Conditions of access and use can be found at:

 <https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/open>

 Published online: 10 November 2024

 Submit your article to this journal:  
<https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad/about/submissions>

 View related articles:  
<https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad/issue/archive>




## Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.

This is an open access article under the CC BY-NC license.





Published biannually by:  
**Faculty of Islamic Civilisation Studies,  
Universiti Islam Selangor (UIS)**

📍 Bandar Seri Putra, 43000, Bangi, Selangor (Darul Ehsan), Malaysia

☎ 603-8911 7167 📠 +603-8925 4402

✉ info@kuis.edu.my

🌐 <https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad>

**Vol. 9, No. 2, (December, 2024)**

## *I'dilū Huwa Aqrab li al-Taqwā: Analisis Wacana Mufasirun Pada Surah al-Mā'idah [5] ayat 8 dalam Melestarikan Keharmonian Masyarakat*

*[I'dilū Huwa Aqrab li al-Taqwā: Analysis of Quranic Exegetes' Discourse on Surah al-Mā'idah [5] verse 8 in Preserving Community Harmony]*

Abur Hamdi Usman <sup>1</sup>, Zaidul Amin Suffian Ahmad <sup>1\*</sup>, & Bayu Taufiq Possumah <sup>2</sup>

<sup>1</sup>Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, MALAYSIA.

<sup>2</sup>Institut Agama Islam Tazkia, Jl. Ir. H. Djuanda No. 78 Sentul, Citaringgul, Kec. Babakan Madang, Kota Bogor, Jawa Barat 16810, INDONESIA.

\* Corresponding Author: Zaidul Amin Suffian Ahmad. Jabatan Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

✉ zaidulamin@uis.edu.my 📞 (+60) 17-2666 952. ORCID iD: <https://orcid.org/0000-0002-3118-1313>.

### **Keywords:**

Piety, Justice, Quranic Exegetes, Harmony, Society.

### **ABSTRACT**

Diversity and plurality are inherent aspects of human nature determined by the divine will of Allah. Tribal and ethnic diversity gives rise to the direction for people to get to know and understand each other's thoughts, culture, and customs instead of arguing and being divided. In the joint effort to develop a prosperous and harmonious country, conflicts should not be magnified but instead consistent in finding ways to strengthen and sustain unity among the people. The core of unity in the community should be based on the principle of social justice that was initiated by the Quran. Thus, this article critically analyses the discourse of Quranic exegetes on the phrase *i'dilū huwa aqrab li al-taqwā* in surah al-Mā'idah [5] verse 8, which is closely related to preserving the harmony of society. By using a qualitative method, this article finds the interpretation of al-Ṭabarī (838-923), al-Qurṭubī (1214-1272), Ibn Kathīr (1300-1373), HAMKA (1908-1981), M. Quraish Shihab (l. 1944), and others who advise not to let feelings of hatred against a race become an incentive to not treat them fairly. Justice must always be practised towards everyone, whether friend or foe. Indeed, the fair attitude expressed is closer to piety. This predicate shows the pillars and principles of Islamic teachings. In conclusion, an attitude of tolerance by accepting the uniqueness of other races as well as appreciating the existing advantages is very necessary for every individual, including all races, tribes, and groups. Only with unity will we be able to improve development towards a holistic balance in all aspects, including religion, politics, society, and economics. As Muslims and reasonable Malaysians, they must think and act based on the interests of all groups in this country.

**Contribution:** This article contributes to the field of Islamic studies by emphasising the concept of social justice through the interpretation of the phrase *i'dilū huwa aqrab li al-taqwā* (Surah al-Mā'idah [5]: 8). The main findings show that justice, regardless of race or relationship, is a core principle of Islam that can strengthen unity in multi-ethnic societies. The classical and modern exegetes'

*interpretations that were studied affirmed that a fair attitude is closer to piety and is important in building a harmonious society, relevant to current issues.*

**Kata Kunci:**

Takwa, Keadilan,  
Mufasirun, Keharmonian,  
Masyarakat.

**ABSTRAK**

Kemajmukan dan kepelbagaian merupakan fitrah dan ketetapan semula jadi manusia yang diputuskan oleh Allah SWT. Keberagaman suku dan etnik bertujuan agar manusia saling kenal mengenali, memahami pemikiran, budaya dan adat resam, bukannya bersengketa serta berpecah-belah. Dalam usaha sama membangunkan sebuah negara yang makmur dan harmoni, pertelingkahan tidak wajar diperbesarkan sebaliknya berusaha mencari jalan memantapkan dan mempereratkan perpaduan dalam kalangan rakyat. Teras perpaduan dalam kalangan masyarakat haruslah berlandaskan prinsip keadilan sosial yang digagaskan oleh al-Quran. Justeru, artikel ini menganalisis secara kritis wacana mufasirun pada lafaz ayat i'dilū huwa aqrab li al-taqwā dalam surah al-Mā'idah [5] ayat 8 yang erat kaitannya dengan melestarikan keharmonian masyarakat. Dengan menggunakan metode kualitatif, artikel ini mendapati pentafsiran mufasirun seperti al-Ṭabarī (838-923), al-Qurṭubī (1214-1272), Ibn Kathīr (1300-1373), HAMKA (1908-1981), M. Quraish Shihab (l. 1944) dan selainnya menatijahkan untuk tidak membiarkan perasaan benci terhadap sesuatu kaum menjadi pendorong untuk tidak berlaku adil kepada mereka. Keadilan perlu kekal diamalkan terhadap setiap orang sama ada kawan ataupun lawan. Sikap adil yang dizahirkan ini ternyata lebih dekat kepada takwa. Predikat ini sekali gus menunjukkan tunjang dan prinsip ajaran Islam. Sebagai konklusi, sikap bertoleransi dengan menerima keunikan kaum lain serta menghargai kelebihan yang ada sangat diperlukan bagi setiap individu merangkumi semua ras, puak dan kumpulan. Hanya dengan perpaduan akan dapat mempertingkatkan pembangunan ke arah keseimbangan yang holistik dalam segenap aspek termasuk agama, politik, sosial dan ekonomi. Sebagai Muslim dan rakyat Malaysia yang berakal budi, hendaklah berfikir dan bertindak berdasarkan kepentingan semua kelompok dalam negara ini.

**Sumbangan:** Artikel ini menyumbang kepada bidang pengajian Islam dengan menekankan konsep keadilan sosial melalui tafsiran lafaz i'dilū huwa aqrab li al-taqwā (Surah al-Mā'idah 5:8). Dapatan utama menunjukkan bahawa keadilan, tanpa mengira kaum atau hubungan, adalah prinsip teras Islam yang dapat memperkukuh perpaduan dalam masyarakat berbilang etnik. Tafsiran mufasirun klasik dan moden yang dikaji menegaskan bahawa sikap adil lebih dekat kepada takwa dan penting dalam membina masyarakat harmoni, relevan dengan isu-isu semasa.

**ARTICLE HISTORY**

Received: October 08, 2024

Accepted: November 13, 2024

Available Online: November 19, 2024

Published: December 24, 2024

This is an open access article under the CC BY-NC license.



To cite this article:

Usman, A. H., Ahmad, Z. A. S., & Possumah, B. T. (2024). I'dilū Huwa Aqrab li al-Taqwā: Analisis wacana mufasirun pada surah al-Mā'idah [5] ayat 8 dalam melestarikan keharmonian masyarakat. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 9(2), 1292-1305. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v9i2.479>

## I. PENDAHULUAN

Usaha memupuk keharmonian merupakan inisiatif berterusan yang sering dilaungkan pemimpin negara bagi menjamin kestabilan sosial dan keselamatan negara. Pelbagai slogan, dasar dan gagasan dilaksanakan bagi menjamin keharmonian dan seringkali berubah mengikut kepimpinan negara. Antaranya ialah penerapan nilai-nilai Islam, *Islam Hadhari*, *al-Wasatiyyah*, *IMalaysia*, dan *Rahmatan Lil 'Alamin* yang kesemuanya bermatlamat menyatupadukan masyarakat pelbagai etnik dan agama (Mohd Khalli, Sintang, & Marinsah, 2020). Kini, gagasan Malaysia Madani yang diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai dasar baru terhadap pentadbiran negara. Madani disandarkan dengan ayat al-Quran dalam surah al-Hujurat [49] ayat 13 sebagai panduan untuk hidup serumpun dan bersatu-padu walaupun mempunyai pelbagai perbezaan. Gagasan ini merupakan tindak balas terhadap sebarang usaha atau kenyataan sensitif yang menyebarkan api kebencian, perkauman dan permusuhan dalam masyarakat yang perlu dipadamkan.

Keharmonian merupakan citra kehidupan masyarakat Malaysia dan nikmat ini dikecapi oleh semua lapisan masyarakat. Kajian awal menunjukkan elemen keharmonian tersebut dipengaruhi sikap positif dan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia. Kajian kuantitatif mengenai penunjuk (*indicator*) keharmonian sosio-agama yang dijalankan Ahmad Yusoff et al. (2018), menunjukkan sikap saling menghormati merupakan prinsip utama dalam menjaga keharmonian agama di Malaysia. Kajian Abdul Rahman dan Khambali (2013), turut menjelaskan toleransi yang dipupuk melalui kerjasama antara masyarakat pelbagai agama merupakan nilai murni yang berupaya merangsang hubungan positif antara penganut agama berbeza. Begitu juga kajian Alias, Ismail dan Sa'ari (2014), mendapati hubungan antara etnik renggang disebabkan perbezaan agama, budaya serta jurang ekonomi yang ketara antara kaum. Mereka mencadangkan supaya hubungan etnik menurut Islam diaplikasikan dalam masyarakat pelbagai etnik di Malaysia. Hal ini kerana Islam menekankan keharmonian hidup tanpa mengira bangsa dan agama sebagai indeks perpaduan dalam melestarikan kesejagatan hidup manusia. Hubungan antara kaum perlu dipelihara dan diambil perhatian serius oleh semua pihak tanpa mengira etnik bagi mengekalkan perpaduan serta mengelak daripada membincangkan isu-isu yang boleh membangkitkan sensitiviti agama dan budaya.

Namun begitu, menurut Baharun (2023), Malaysia masih berjaya mengekalkan keharmonian dan perpaduan antara rakyatnya. Ini dapat dilihat menerusi dapatan daripada Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (MHI) yang masih berada pada tahap bahagia. Menurut kajian yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), MHI 2021 mencatatkan skor tahap bahagia pada 6.48. Menariknya, dapatan kajian turut mendapati hampir keseluruhan negeri dan Wilayah Persekutuan mencatatkan skor melebihi paras Bahagia dan turut mencapai Sangat Bahagia. Tiga komponen yang merekodkan skor indeks tertinggi adalah komponen keluarga (7.23), diikuti kerohanian (7.21) dan kesihatan (6.75). Seterusnya Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) turut meningkat berbanding tahun lalu. Kajian IKRM yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi tahun 2021 menunjukkan kesejahteraan rakyat Malaysia semakin baik apabila meningkat dari 117.7 (2020) kepada 119.2 (2021). Ini merupakan peningkatan sebanyak 1.3 peratus berbanding tahun sebelumnya. Daripada 14 komponen IKRM, komponen tertinggi yang menyumbang kepada peningkatan indeks ini adalah indeks tadbir urus (6.8%), seterusnya diikuti oleh kebudayaan (6.4%), keselamatan awam (3.4%), alam sekitar (2.7%) serta pendapatan dan pengagihan (2.4%) (Baharun, 2023).

Indeks Malaysia Negara Rahmah (IMNR) pula yang dijalankan oleh Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM) mendapati penskoran pencapaian negara rahmah berada pada tahap sederhana dengan capaian skor 6.47. IMNR merupakan usaha menilai pandangan masyarakat terhadap tahap pencapaian negara menuju ke arah Negara Rahmah berdasarkan 12 ciri yang telah digariskan. Hasil kajian mendapati tiga skor tertinggi bagi IMNR 2022 adalah institusi keluarga yang utuh (7.66), hubungan etnik dan penganut agama yang harmoni (7.40) serta masyarakat yang berilmu, berakhlak dan penyayang (7.32). Skor yang terendah pula ialah tadbir urus yang baik (5.68), ekonomi yang mampan (5.76) dan kepimpinan yang kompeten dan berintegriti (5.80) (Baharun, 2023; Mohd Sanusi, 2023). Manakala Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2022 menunjukkan pencapaian nilai skor 0.629 yang membawa maksud kesepaduan nasional negara berada pada tahap sederhana dan terkawal. Ini merupakan peningkatan sebanyak 0.062 berbanding nilai skor IPNas 2018 iaitu 0.567. IPNas 2022 dibangunkan oleh Kementerian Perpaduan Negara merupakan inisiatif penting daripada kerajaan yang bertujuan untuk

mengukur pencapaian tahap perpaduan semasa dalam kalangan rakyat Malaysia. Menurut dapatan kajian tersebut, hubungan perpaduan antara kaum masih kekal baik, malah bertambah baik (Baharun, 2023).

Dapatan kajian daripada pelbagai indeks yang dibincangkan ini menunjukkan rakyat Malaysia secara umum hidup bahagia dan sejahtera. Keharmonian rakyat adalah terkawal, namun usaha yang lebih keras perlu digiatkan dalam tekad mengukuhkan perpaduan dan melestarikan Malaysia sebagai negara yang rahmah (Baharun, 2023). Dalam perspektif Islam, surah al-Mā'idah [5] ayat 8 sangat erat perkaitannya dengan usaha melestarikan keharmonian masyarakat. Allah SWT berfirman:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَا نُ أَنْ قَوْمٍ عَلَىٰ ءَلَا تَعْدِلُوا ءَاعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَتَتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾﴾

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah SWT, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah SWT, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah atau HAMKA (1908-1981), mufasir kenamaan yang juga penyair, ahli falsafah dan sasterawan Nusantara melalui karyanya *Tafsir al-Azhar*, mentafsirkan ayat ni dengan menghubungkan jalinkan ayat di atas dengan surah al-Nisā' [4] ayat 135:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰ أَنفُسِكُمْ ءَوِ الْوَالِدِينَ ءَوِ الْآَقْرَبِينَ... ﴿١٣٥﴾﴾

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu...

Menurut pandangan beliau, ayat ini (dalam konteks kedua-duanya diturunkan di Madinah) jelas menunjukkan bahawa masyarakat Islam sudah mulai berdiri teguh dan kekuasaan sudah mulai terbentuk. Selain mempunyai keyakinan yang teguh kepada Allah SWT, adalah penting untuk menjaga keadilan dalam masyarakat. Malah, keadilan merupakan jalan yang paling dekat untuk mencapai ketakwaan (HAMKA, 1984).

M. Quraish Shihab (l. 1944), mufasir prolific Indonesia dalam *Tafsir al-Mishbāh* (Usman & Ahmad, 2019) menambahkan bahawa terdapat perbezaan susunan perkataan di kedua-dua ayat ini. Pada surah al-Nisā' [4] ayat 135 disebutkan كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ, sedangkan pada surah al-Mā'idah [5] ayat 8 dinyatakan كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ بِالْقِسْطِ. Pada penelitian beliau, perbezaan redaksi kemungkinan disebabkan ayat surah al-Nisā' dikemukakan dalam konteks ketetapan hukum dalam mahkamah yang disusuli dengan perbincangan tentang kes seorang Muslim yang menuduh seorang Yahudi secara tidak adil dan seterusnya dihuraikan tentang hubungan lelaki dan wanita. Ayat ini ingin menekankan peri pentingnya keadilan yang kemudiannya diikuti dengan kesaksian. Oleh itu, frasa ayat mendahulukan perkataan *al-qist* (adil) kemudian *shuhadā'* (saksi-saksi). Adapun ayat dalam surah al-Mā'idah ini dikemukakan setelah mengingatkan tentang perjanjian-perjanjian dengan Allah SWT dan rasul-Nya. Jadi ia memfokuskan kepentingan melaksanakan secara sempurna seluruh perjanjian itu seperti yang terkandung dalam perkataan *qawwāmīn lillāh* (menegakkan keadilan kerana Allah SWT) (Shihab, 2011). Selain itu, Shihab (2011), turut menukilkan sebahagian pandangan yang menyatakan bahawa ayat dalam surah al-Nisā' dikemukakan dalam konteks kewajipan berlaku adil terhadap diri sendiri, ibu bapa dan kerabat. Oleh itu adalah wajar apabila perkataan *al-qist* didahulukan. Manakala ayat dalam surah al-Mā'idah merujuk kepada konteks permusuhan dan kebencian. Dengan itu, yang penting untuk diingatkan ialah keperluan melaksanakan segala sesuatu kerana Allah SWT. Perkara ini yang akan lebih mendorong untuk meninggalkan permusuhan dan kebencian.

Tambahan daripada itu, perlaksanaan keadilan memerlukan pengawalan perasaan oleh setiap orang beriman. Mufasir Mesir, Ibrāhīm Ḥusayn Shādhilī Sayyid Quṭb (1906-1966), menghuraikan dalam kitab tafsirnya *Fī Zilāl al-Qur'ān* (Quṭb, t.th.: 852):

قَدْ نَهَى اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْ قَبْلِ أَنْ يُحْمِلَهُمُ الشَّنَانُ لِمَنْ صَلَّوهُمْ عَنِ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ عَلَى الْإِعْتِدَاءِ . وَكَانَتْ هَذِهِ قِمَّةً فِي ضَبْطِ النَّفْسِ وَالسَّمَاخَةِ يَرَفَعُهُمُ اللَّهُ إِلَيْهَا بِمَنْهَجِهِ التَّرْبَوِيِّ الرَّبَّانِيِّ الْقَوِيمِ . فَهَذَا هُمْ أَوْلَاءُ يَنْهَوْنَ أَنْ يُحْمِلَهُمُ الشَّنَانُ عَلَى أَنْ يَمِيلُوا عَنِ الْعَدْلِ . وَهِيَ قِمَّةٌ أَعْلَى مُرْتَقَى وَأَصْعَبُ عَلَى النَّفْسِ وَأَشَقُّ . فَهِيَ مَرَحَلَةٌ وَرَاءَ عَدَمِ الْإِعْتِدَاءِ وَالْوُقُوفِ عِنْدَهُ ; تَتَجَاوَزُهُ إِلَى إِقَامَةِ الْعَدْلِ مَعَ الشُّعُورِ بِالْكَرْهِ وَالْبُغْضِ ! إِنَّ التَّكْلِيفَ الْأَوَّلَ أَيْسَرُ لِأَنَّهُ إِجْرَاءٌ سَلْبِيٌّ يَنْتَهِي عِنْدَ الْكَفِّ عَنِ الْإِعْتِدَاءِ . فَأَمَّا التَّكْلِيفُ الثَّانِي فَأَشَقُّ لِأَنَّهُ إِجْرَاءٌ إِجْبَائِيٌّ يُحْمِلُ النَّفْسَ عَلَى مُبَاشَرَةِ الْعَدْلِ وَالْفِسْطِ مَعَ الْمَبْغُوضِينَ الْمَشْنُوتِينَ ! ...

“Allah SWT melarang orang-orang yang beriman terdahulu (daripada bertindak secara mencerooboh atau tidak adil) kerana dipengaruhi perasaan marah dan benci terhadap orang-orang Musyrikin yang telah menghalang mereka dari Masjidilharam. Inilah kemuncak pengawalan perasaan dan toleransi yang Allah SWT tingkatkan mereka kepadanya dengan perantaraan sistem pendidikan rabbani yang lurus. Mereka dilarang bertindak menyeleweng daripada keadilan kerana didorongkan oleh sentimen marah dan benci. Itulah kemuncak yang amat tinggi untuk didaki dan amat sukar dan sulit untuk dicapai oleh seseorang. Ia merupakan satu peringkat di sebalik tidak mencerooboh dan berhenti di batasnya untuk menegakkan keadilan dengan perasaan marah dan benci. Taklif yang pertama (taklif supaya jangan mencerooboh) adalah lebih mudah, ia merupakan satu tindakan negatif yang berakhir dengan menahan diri daripada mencerooboh. Tetapi taklif yang kedua adalah lebih sukar kerana ia merupakan tindakan positif yang mendorong seseorang agar berlaku adil saksama terhadap orang-orang yang dimurkai dan dibencinya...”

Berdasarkan petikan di atas, pentingnya kawalan emosi dan sikap toleransi terhadap semua pihak adalah jelas, serta perlu diingatkan agar tidak menyimpang dari prinsip keadilan disebabkan oleh perasaan sentimen kebencian kepada musuh. Syeikh Wahbah al-Zuhayli (1932-2015), mufasir kontemporari berkewarganegaraan Syria dalam kitabnya *al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Shar'ah wa al-Manhaj* menjelaskan bahawa kekufuran orang kafir tidak boleh menjadi penghalang untuk tetap berinteraksi dengan mereka secara adil. Ayat yang memerintahkan untuk bersikap adil dan bertakwa turut mengandungi petunjuk bahawa dalam suasana peperangan yang berkecamuk, serangan yang dilakukan hanya terhad kepada musuh yang berhak untuk diperangi. Adapun tindakan *al-muthlah* (pencacatan/mutilation) terhadap musuh tidak dibenarkan, meskipun mereka membunuh kaum perempuan dan kanak-kanak serta melakukan perkara tersebut terhadap umat Islam. Oleh itu, tidak boleh membunuh dengan cara *al-muthlah* secara sengaja untuk menimpakan kesedihan dan keperitan terhadap mereka (al-Zuhayli, 1998).

Penyelidikan ini merupakan satu kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis kandungan melalui karya-karya tafsir oleh mufasirun yang diiktiraf. Fokus utama kajian ini adalah untuk menganalisis secara kritis wacana para mufasir mengenai lafaz ayat *i dilu huwa aqrab li al-taqwa* dalam surah al-Mā'idah [5] ayat 8 yang berkait rapat dengan pemeliharaan keharmonian dalam masyarakat.

## 2. ASBĀB AL-NUZŪL SURAH AL-MĀ'IDAH [5] AYAT 8

Diriwayatkan bahawa ayat ini turun berkaitan Yahudi Bani Naḍīr ketika berkonspirasi untuk membunuh Rasulullah SAW. Lalu Allah SWT mewahyukan kepada Baginda SAW tentang perkara tersebut sehingga terselamat daripada tipu daya mereka. Lantas Rasulullah SAW pun menyuruh mereka untuk pergi dari sekitar Madinah. Namun mereka menolak dan memilih untuk bertahan dan berlindung di benteng-benteng perlindungan. Maka Rasulullah SAW bergerak menuju ke tempat mereka dengan sejumlah sahabat, lalu mengepung selama enam malam. Sepanjang tempoh pengepungan tersebut, mereka berada dalam kondisi yang sangat sengsara hingga akhirnya menyerah dan memohon kepada Rasulullah SAW untuk diizinkan pergi, tidak dibunuh, dan membawa harta benda sebanyak beban muatan yang boleh dibawa oleh unta. Pada masa itu, ada sebahagian kaum mukminin berpandangan supaya Rasulullah SAW menjatuhkan hukuman bunuh dalam kalangan mereka (supaya menjadi pengajaran dan peringatan). Maka turunlah ayat ini untuk menegah kaum mukminin daripada perbuatan melampaui batasan dalam melakukan pembalasan dengan tindakan *al-tamthil* dan *al-tashwih* (memotong anggota tubuh orang yang dibunuh). Akhirnya, Rasulullah SAW pun menyetujui permohonan kaum Yahudi tersebut (al-Zuhayli, 1998). Riwayat tersebut sebagaimana berikut:

حَدَّثَنَا الْقَاسِمُ قَالَ : حَدَّثَنَا الْحُسَيْنُ قَالَ : حَدَّثَنِي حَجَّاجٌ ، عَنْ ابْنِ جُرَيْجٍ ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ كَثِيرٍ : " يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوْمًا يَمِينًا لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَا نُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَنْ لَا تَعْدِلُوا اعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ " ، نَزَلَتْ فِي يَهُودِ خَيْبَرَ ، أَرَادُوا قَتْلَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَالَ ابْنُ جُرَيْجٍ ، قَالَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ كَثِيرٍ : ذَهَبَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى يَهُودَ يَسْتَعِينُهُمْ فِي دِيَّةٍ ، فَهَمُّوا أَنْ يَقْتُلُوهُ ، فَذَلِكَ قَوْلُهُ : " وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَا نُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَنْ لَا تَعْدِلُوا " . . . الْآيَةَ .

"Telah menceritakan kepada kami al-Qāsim, beliau berkata: "Telah menceritakan kepada kami al-Ḥusayn, beliau berkata: "Telah menceritakan kepada kami Ḥajjāj, daripada Ibn Jurayj, daripada 'Abdullah ibn Kathīr: { يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوْمًا يَمِينًا لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَا نُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَنْ لَا تَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ }, telah diturunkan pada Yahudi Khaybar. Mereka mahu membunuh Nabi SAW." Dan Ibn Jurayj telah berkata: "Abdullah ibn Kathīr telah berkata: "Rasulullah SAW telah pergi kepada kaum Yahudi (di Khaybar) untuk menuntut diat, lalu mereka bertekad untuk membunuh Baginda SAW. Oleh itu, firman Allah SWT: { وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَا نُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَنْ لَا تَعْدِلُوا } ... hingga akhir ayat". (al-Ṭabarī, t.th./10: 95).

Terdapat keterangan lain menyebutkan bahawa ayat ini turun berkenaan tindakan musyrikin yang menghalang orang Islam daripada memasuki Masjidilharam pada tahun Ḥudaybiyyah. Seolah-olah Allah SWT mengulang semula larangan tersebut di sini untuk meredakan gejala amarah kaum muslimin dan ambisi mereka untuk melakukan pembalasan terhadap musyrikin tersebut dengan pelbagai bentuk pembalasan (al-Zuhaylī, 1998).

Jalāl al-Dīn Abū al-Faḍl 'Abd al-Raḥmān ibn Abī Bakr al-Suyūṭī (1445-1505 M.) atau dikenali sebagai imam al-Suyūṭī (2011: 35) dalam karya tafsirnya *al-Dur al-Manthūr fī al-Tafsīr bi al-Ma'thūr* ada menukikkan riwayat daripada al-Ṭabarī daripada jalur Ibn Jurayj daripada 'Abdullah ibn Kathīr pada firman Allah SWT:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوْمِينَ بِالْقِسْطِ ... ﴾

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah SWT, lagi menerangkan kebenaran...

Ayat ini diturunkan kepada Yahudi Khaybar ketika Rasulullah SAW pergi ke tempat mereka untuk membantu mereka berkaitan diat/denda, tetapi mereka justeru berhasrat untuk membunuh Rasulullah SAW. Oleh sebab itu, Allah SWT telah berfirman dalam surah al-Mā'idah [5] ayat 8:

﴿ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَا نُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَلَّا تَعْدِلُوا ... ﴾

Maksudnya:

Dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan.

### 3. ANALISIS WACANA MUFAHIRUN PADA LAFAZ I'DILŪ HUWA AQRAB LI AL-TAQWĀ

Frasa ayat *aqrab li al-taqwā* termasuk kategori penggunaan *ism tafḍīl* (kata adjektif perbandingan) pada konteks yang tidak ada pembandingnya. Ia bermaksud bukan untuk membandingkan antara dua perkara. Dengan begitu, ayat ini tidak termasuk pada kategori *ism tafḍīl* dalam erti yang sebenarnya. Ini seperti firman Allah SWT dalam surah al-Furqān [25] ayat 24 (al-Zuhaylī, 1998):

﴿ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ يَوْمَئِذٍ خَيْرٌ مُّسْتَقَرًّا وَأَحْسَنُ مَقِيلًا ﴾

Maksudnya:

Ahli-ahli syurga pada hari itu lebih baik tempat menetapnya, dan lebih elok tempat rehatnya.

Lafaz *i'dilū huwa aqrab li al-taqwā* bermaksud sikap adil yang ditunjukkan orang beriman lebih mendekati takwa daripada meninggalkannya (Ibn Kathīr, 2000). Keadilan menurut HAMKA (1984), ialah pintu terdekat kepada takwa, sedangkan rasa benci justeru membawa seseorang menjauh daripada Allah SWT. Apabila seseorang dapat menegakkan keadilan, maka jiwa mereka akan merasai kemenangan yang tidak terhingga, malah akan menaikkan martabat di hadapan manusia dan Allah SWT. Sebaliknya antonim perkataan adil ialah zalim yang merupakan salah satu daripada puncak kemaksiatan kepada-Nya. Sifat tercela ini menyebabkan jiwa menjadi merana. Jika masyarakat Islam telah diberikan kurniaan kekuasaan oleh Allah SWT untuk mentadbir pemerintahan, maka mampukah mereka berlaku adil ataupun tidak. Kerap dikisahkan dalam al-Quran bahaya yang menimpa suatu umat adalah kerana kezaliman yang berleluasa. Apabila yang berkuasa tidak adil, maka yang dikuasai akan menderita dan patah hati serta bersikap acuh. Akhirnya simalah wibawa dan kemegahan umat itu, malah mudah untuk ditakluk dan dirampas kemerdekaannya. Dalam sebuah hadis diriwayatkan bahawa kalau keadilan kepada *ahl dhimmah* (pemeluk agama lain dalam pemerintahan Islam yang wajib dilindungi dan diperlakukan adil) dinafikan, maka sama halnya pemerintahan sebegitu dengan pentadbiran musuh (HAMKA, 1984). Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " إِذَا ظَلِمَ أَهْلُ الذِّمَّةِ كَانَتْ الدَّوْلَةُ دَوْلَةَ الْعَدُوِّ ... "

[al-Ṭabarānī, *al-Muʿjam al-Kabīr*, Bāb al-Jīm, Man ismuh Jābir, Jābir ibn 'Abdullah ibn 'Amrū ibn Ḥarām, Min Gharā'ib Ḥadīth Jābir ibn 'Abdullah, Nombor Hadis 1752, Ḍa'īf]

Maksudnya:

Daripada Jābir ibn 'Abdullah berkata: "Rasulullah SAW telah bersabda: "Kalau ahli dhimmah telah dianiaya, maka pemerintahan negeri itu ialah pemerintahan musuh..."

Manakala al-Zuhaylī (1998), mentafsirkan bahawa jangan sesekali kebencian dan sikap permusuhan suatu kaum memprovokasi seseorang untuk tidak berlaku adil terhadap mereka. Sebaliknya, seseorang hendaklah mengamalkan keadilan keadilan dalam berinteraksi dengan siapa pun, baik kawan mahupun lawan. Sikap adil tersebut lebih dekat kepada ketakwaan daripada mengabaikannya. Yakni, keadilan dalam memperlakukan musuh adalah lebih dekat kepada mengelak kemaksiatan secara umum.

Berdasarkan pentafsiran mufasirun di atas, dapat difahami bahawa perintah berlaku adil adalah merangkumi semua golongan sama ada kawan mahupun lawan. Kajian penulis mendapati majoriti ahli tafsir mentafsirkan lafaz *i'dilū* ditujukan kepada kedua-dua pihak tersebut. Untuk lebih jelas, sila rujuk Jadual 1.

### Jadual 1

Pentafsiran Mufasirun Pada Lafaz *I'Dilū* dalam Surah al-Mā'idah [5] Ayat 8

Bil.	Mufasir	Kitab	Pentafsiran
1	Al-Ṭabarī (w. 310 H.)	Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āyi al-Qur'ān	اعدلوا أيها المؤمنون على كل أحد من الناس ولياً لكم كان أو عدواً "Maksud <i>i'dilū</i> adalah berlaku adil wahai orang beriman ke atas setiap orang sama ada kawan ataupun lawan."
2	Al-Thālabī (w. 427 H.)	Al-Kashf wa al-Bayān 'an Tafsīr al-Qur'ān	ثم قال { اعدلوا } بين أوليائكم وأعدائكم "Kemudian Allah SWT berfirman <i>i'dilū</i> bermaksud berlaku adil di antara kawan dan musuh kalian."
3	Makkī (w. 437 H.)	Al-Hidāyah ilā Bulūgh al-Nihāyah	ثم أمرهم بالعدل فقال ( اعدلوا ) أي اعدلوا في الأعداء وغيرهم "Kemudian mereka diperintahkan dengan keadilan, lalu Allah SWT berfirman <i>i'dilū</i> bermaksud berlaku adil pada musuh dan selain mereka."

Bil.	Mufasir	Kitab	Pentasiliran
4	Al-Wāḥidī (w. 468 H.)	<i>Al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-'Aẓīz</i>	{ اعدلوا } في الولي والعدو { هو } أي العدل { أقرب للتقوى } أي لاتقاء النار “ <i>Tdilū</i> bermaksud berlaku adil pada rakan dan musuh, iaitu keadilan yang dapat mengelakkan daripada api neraka.”
5	Al-Baghawī (w. 516 H.)	<i>Ma'ālim al- Tanzīl</i>	اعدلوا يعني في أوليائكم وأعدائكم، هو أقرب للتقوى يعني: إلى التقوى “ <i>Tdilū</i> bermaksud berlaku adil sama ada pada ahli jagaanmu mahupun para musuhmu kerana ia lebih dekat dengan ketakwaan.”
6	Al- Zamakhsharī (w. 538 H.)	<i>Tafsīr al- Kashshāf'an Ḥaqqā'iq al- Tanzīl wa 'Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta'wīl</i>	وفيه تنبيه عظيم على أن وجود العدل مع الكفار الذين هم أعداء الله إذا كان بهذه الصفة من القوة، فما الظنّ بوجوبه مع المؤمنين الذين هم أولياؤه وأحباؤه؟ “Dan di dalamnya ada peringatan yang agung bahawa kewujudan adil terhadap orang kafir yang merupakan musuh-musuh Allah SWT. Sekiranya sifat sedemikian daripada kekuatan (mereka), maka apakah ada keraguan dengan kewajipan berlaku adil terhadap orang beriman yang merupakan sahabat dan kesayangan mereka?”
7	Fakhr al-Dīn al- Rāzī (w. 604 H.)	<i>Mafātīh al- Ghayb</i>	وفيه تنبيه عظيم على وجوب العدل مع الكفار الذين هم أعداء الله تعالى فما الظنّ بوجوبه مع المؤمنين الذين هم أولياؤه وأحباؤه. “Dan di dalamnya ada peringatan yang agung atas kewajipan berlaku adil bersama orang kafir yang merupakan musuh-musuh Allah SWT. Dengan demikian, apakah ada keraguan dengan kewajipan berlaku adil terhadap orang beriman yang merupakan sahabat dan kesayangan mereka?”
8	Al-Qurṭubī (w. 671 H.)	<i>Al-Jāmi' li Aḥkām al- Qur'ān wa al- Mubayyin limā Taḍammanahu min al-Sunnah wa Āyi al- Furqān</i>	ودلت الآية أيضا على أن كفر الكافر لا يمنع من العدل عليه وأن يقتصر بهم على المستحق من القتال والاسترقاق “Ayat ini menunjukkan bahawa kekufuran orang kafir tidak menghalang daripada berlaku adil ke atas mereka. Dan berpada dengan mereka atas individu yang berhak untuk diperangi dan dikasihi.”
9	Al-Bayḍāwī (w. 691 H.)	<i>Anwār al- Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl</i>	وإذا كان هذا للعدل مع الكفار فما ظنك بالعدل مع المؤمنين. “Apabila hakikat keadilan terhadap orang kafir sebegini, maka apakah pendapatmu dengan keadilan terhadap orang beriman?”
10	Abū Ḥayyān (w. 754 H.)	<i>Al-Baḥr al- Muḥīṭ</i>	وفي الآية تنبيه على مراعاة حق المؤمنين في العدل، إذ كان تعالى قد أمر بالعدل مع الكافرين. “Dan pada ayat mengandungi peringatan untuk kekal menjaga hak orang beriman dalam keadilan sebagaimana Allah SWT telah memerintahkan untuk berlaku adil terhadap orang kafir.”
11	Al-Qāsimī (w. 1332 H.)	<i>Maḥāsīn al- Ta'wīl</i>	{ اعدلوا هو } أي العدل { أقرب للتقوى } أي : لحفظ الأنفس أن تتجاوز حد استقامتها. قال بعض المفسرين ثمرة الآية الدلالة على وجوب الأمر بالمعروف والنهي

Bil.	Mufasir	Kitab	Pentasiran
			<p>عن المنكر والقيام بالقسط يدخل فيه الشهادة بالعدل والحكم به وكذلك الفتوى.                  وأن قول الحق لا يترك وجوبه بعدو ولا صديق ولا يجوز اتباع الهوى.                  “Keadilan lebih dekat kepada takwa bermaksud untuk menjaga jiwa untuk melangkaui had istiqamahnya. Sebahagian mufasirin berkata bahawa buah ayat ini menunjukkan atas kewajipan perintah kepada kebaikan dan mencegah kemungkarannya. Dengan menegakkan keadilan adalah termasuk di dalamnya penyaksian dengan bentuk keadilan dan berhukum dengannya. Begitu juga dengan fatwa. Dan bahawa berkata hak tidak meninggalkan kewajibannya sama ada terhadap musuh ataupun kawan. Dan tidak boleh mengikuti hawa nafsu.”</p>
12	Al-Alūsī (w. 1342 H.)	<i>Rūḥ al-Maʿānī fī Tafsīr al-Qurʾān al-Karīm wa Sabʿ al-Mathānī</i>	<p>{ اعدلوا } أيها المؤمنون في أوليائكم وأعدائكم واقتصر بعضهم على الأعداء بناءً على ما روي أنه لما فتحت مكة كلف الله تعالى المسلمين بهذه الآية أن لا يكافئوا كفار مكة بما سلف منهم                  “Berlaku adillah wahai orang beriman terhadap kawan ataupun lawan. Dan sebahagian mereka telah dihadkan (penguasaannya) ke atas musuh atas faktor sebagaimana yang diriwayatkan ketika pembukaan kota Mekah, di mana Allah SWT telah mentaklifkan kepada orang Islam dengan ayat ini untuk tidak melampaui batasan terhadap orang kafir Mekah atas dosa kesalahan yang telah mereka lakukan.”</p>

Selain itu, lafaz *i'dilu* pada ayat ini merangkumi perkataan dan perbuatan. Dengan begitu ia bermaksud perkataan yang hak dan berlaku adil, kerana ia paling dekat dengan ketaatan (al-Samarqandī, 1993). Menurut Abū al-Thana' Shihāb al-Dīn Sayyid Maḥmūd ibn 'Abd Allāh al-Ḥusaynī al-Ālūsī al-Baghdādī (1802-1854 M.) atau al-Ālūsī, mufasir Iraq kenamaan dalam kitabnya *Rūḥ al-Maʿānī fī Tafsīr al-Qurʾān al-Karīm wa Sabʿ al-Mathānī*, berlaku adil dalam perkataan dan perbuatan itu seperti yang ditunjukkan oleh lafaz *huwa*, iaitu keadilan yang mengandungi perbuatan. Dalam hal ini, sama ada keadilan secara mutlak yang merangkumi segala bentuk keadilan seperti yang ditunjukkan oleh *asbāb al-nuzūl* ayat ini ataupun berlaku adil terhadap orang kafir (al-Ālūsī, 2008).

Keadilan pada pandangan syeikh 'Abd al-Raḥmān ibn Nāṣir al-Sa'dī (1307-1376 H.), mufasir *Taysīr al-Karīm al-Raḥmān fī Tafsīr al-Kalām al-Mannān* mesti dilakukan dengan sehabis baik. Al-Sa'dī (2002), berkata “Setiap kali kamu telah berusaha di atas neraca keadilan dan bersungguh-sungguh dalam menegakkannya, maka itu lebih hampir dengan ketakwaan jantung hati kalian. Sekiranya tamat keadilan dilaksanakan, maka sempurna jugalah ketakwaan.”

Adapun Allah SWT mensifatkan keadilan (*al-'adl*) dengan lebih hampir kepada takwa (*aqrab li al-taqwā*) sebagai ganjaran, kerana sesiapa yang berlaku adil maka semestinya telah mentaati Allah SWT dengan keadilannya. Sehingga tiada keraguan untuk melayakkan dirinya sebagai ahli takwa. Sebaliknya, sesiapa yang melakukan dosa maka ia telah bermaksiat kepada Allah SWT yang menyebabkan dirinya telah jauh daripada ketakwaan (al-Ṭabarī, 1994). Ia merupakan kinayah daripada keadilan (Makkī, 2008).

Perintah berlaku adil ini bukan sekadar sekali dua ditegaskan oleh Allah SWT. Menurut al-Shawkānī (w. 1250 H.), keadilan yang ditunjukkan oleh firman Allah SWT *aqrab li al-taqwā* untuk memerintahkan manusia berlaku adil bukan hanya sekali sahaja. Tujuannya supaya mereka lebih dekat untuk bertakwa kepada Allah SWT ataupun untuk mengelak daripada azab neraka (al-Shawkānī, t.th.; al-Qurṭubī, 2006; al-Wāḥidī, 1995; Bashīr al-Azdī, 2002; Fakhr al-Dīn al-Rāzī, 1981).


Lafaz *i'dilū huwa aqrab li al-taqwā* pada surah al-Mā'idah [5] ayat 8 ini merumuskan bahawa keadilan mempunyai kedudukan yang sangat penting bagi mencapai darjat takwa. Ayat ini telah menerangkan kepada orang beriman tentang perintah berlaku adil dan Allah SWT menjelaskan kepada mereka bahawa keadilan itu adalah salah satu tempat daripada takwa setelah menegah daripada melampaui batasan dan mengikuti kehendak hawa nafsu (al-Bayḍāwī, 2015; Abū Zamanīn, 2002; Anon, 1992). Syeikh Abū Mansūr al-Māturīdī (w. 333 H.)

dalam kitabnya *Ta'wīlāt Ahl al-Sunnah Tafsīr al- Al-Māturīdī* menghubungkan surah al-Mā'idah [5] ayat 8 ini dengan surah al-A'rāf [7] ayat 56 { *إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ* } "Sesungguhnya rahmat Allah SWT itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya," yang membuktikan bahawa keadilan adalah sesuatu yang mendekati takwa (*al-Māturīdī, 2005*).

Walau bagaimanapun, sekurang-kurangnya terdapat tiga langkah yang perlu ditempuhi oleh seseorang dalam usahanya untuk berlaku adil dan diapresiasi dengan gelaran takwa. Sehubungan dengan ini, Abu al-Qāsim Maḥmūd ibn 'Umar al-Zamakhsharī (1075-1144 M.) dalam karya monumentalnya *al-Kashshāf 'an Ḥaqā'iq at-Tanzīl* menjelaskan bahawa Allah SWT menegah mereka terlebih dahulu daripada dikuasai kebencian sehingga meninggalkan keadilan. Kemudian Allah SWT memperbaharui keyakinan mereka dengan menerangkan perintah untuk berlaku adil secara tegas dan lantang. Lalu disebutkan kepada mereka sebab di sebalik perintah tersebut iaitu firman Allah SWT {*huwa aqrab li al-taqwā*} bermaksud keadilan lebih dekat kepada takwa dan ia adalah sesuatu yang munasabah. Ataupun keadilan lebih dekat kepada takwa kerana ia merupakan aspek yang dekat dan berkaitan dengannya (*al-Zamakhsharī, 2009; Abū Ḥayyān, 2010; Fakhr al-Dīn al-Rāzī, 1981*). Rumusan pentafsiran mufasirun pada surah al-Mā'idah [5] ayat 8 ini diilustrasikan pada Gambar 1.

Gambar 1

Wacana Pentafsiran Mufasirun pada Surah al-Mā'idah [5] Ayat 8



Sementara keadilan itu termasuk dalam munasabahnya dengan takwa, mufasir *al-Alūsī (2008)* menerangkan bahawa hal ini kerana ketakwaan itu ialah puncak ketaatan yang sempurna. Maka kedekatan antara kedua-duanya adalah atas hubungan ketaatan dengan ketaatan. Selain itu, ia juga boleh bermaksud kedekatan menerusi takwa kerana faktor keadilan sebagai satu bentuk keakraban dengan takwa. Dengan begitu, terdapat hubungan antara sebab kepada akibat yang merupakan kedudukan bahagian terakhir daripada 'illah/sebab.

#### 4. PERANAN SURAH AL-MĀ'IDAH [5] AYAT 8 DALAM MELESTARIKAN KEHARMONIAN MASYARAKAT

Sikap toleransi dengan menghargai kelebihan kaum lain serta menerima keunikan yang ada sangat diperlukan bagi setiap individu merangkumi semua golongan. Hanya dengan perpaduan dan keharmonian akan dapat mempertingkatkan pembangunan ke arah keseimbangan yang holistik dalam segenap aspek termasuk agama, sosial, ekonomi, politik dan sebagainya (*Saat, 2021*). Oleh itu, sebagai Muslim dan rakyat Malaysia yang berpekeriti luhur, hendaklah berfikir dan bertindak berdasarkan kepentingan semua kelompok dalam negara ini.

Mesej yang terkandung dalam surah al-Mā'idah [5] ayat 8 sangat berperanan dalam melestarikan keharmonian masyarakat. Ayat ini memberikan garis panduan yang tegas tentang prinsip keadilan dalam berinteraksi, termasuk ketika berhadapan dengan pihak musuh. Prinsip utama yang diketengahkan adalah agar umat Islam tidak bersikap ekstrem atau melangkaui batasan, sebaliknya mengekalkan sikap adil.

#### *4.1 Keadilan Sebagai Ciri Utama Takwa*

Dalam *al-Tafsir al-Wasit li al-Qur'an al-Karim*, dijelaskan bahawa Allah SWT berfirman memerintahkan umat Islam untuk berlaku adil kerana keadilan itu sendiri lebih dekat dengan ketakwaan. Hal ini kerana, keadilan merupakan dalil kepada ketakwaan dan lubuknya. Umat Islam diajar apabila berada dalam situasi yang mencabar seperti medan perang atau berinteraksi dengan pihak musuh, mereka tidak boleh menggunakan alasan ketakwaan untuk bertindak melampaui batas atau mengambil hak yang bukan milik mereka. Sebaliknya, keadilan harus tetap diutamakan sebagai manifestasi ketakwaan yang sejati (Anon, 1992).

#### *4.2 Berinteraksi Dengan Musuh Secara Ihsan*

Ayat ini turut mendidik umat Islam bahawa sikap adil perlu diaplikasikan secara menyeluruh, termasuk terhadap musuh sekalipun. Al-Quran menjelaskan bahawa ketakwaan yang sempurna akan dicapai apabila seseorang berinteraksi dengan musuh tanpa melampaui batas dan menjaga hak-hak mereka. Pentafsiran al-Tabari (1994) menambah bahawa selain berlaku adil, umat Islam juga digalakkan untuk mengajak musuh kepada perkara-perkara yang telah diperintahkan oleh Allah SWT dan melaksanakan segala hukum hakam-Nya dalam semua interaksi, termasuk dengan mereka yang berlainan agama.

#### *4.3 Keadilan Sebagai Prinsip Teras dalam Ajaran Islam*

Shihab (2011) memberikan nota penting berkaitan ayat ini. Beliau menegaskan bahawa keadilan dapat dijadikan sebagai perkataan yang menunjukkan kandungan ajaran Islam. Sekiranya ada agama yang menjadikan kasih sayang sebagai tuntunan tertinggi, maka Islam tidak begitu. Hal ini kerana kasih sayang dalam kehidupan peribadi dan juga masyarakat dapat berimpak buruk. Bukankah jika anda merasa kasihan kepada seorang penjenayah, anda justeru tidak menghukumnya? Adil adalah menempatkan segala sesuatu pada tempatnya. Apabila seseorang memerlukan kasih, maka dengan berlaku adil anda telah mencurahkan kasih kepadanya. Jika seseorang melakukan kesalahan dan wajar mendapatkan hukuman yang berat, maka pada masa itu sikap kasih tidak boleh berperanan. Ia dapat menghalang berlakunya ketetapan hukum ke atas pelaku. Sebaliknya, yang diperlukan ketika itu ialah keadilan dengan menjatuhkan hukuman setimpal dengan kadar kesalahan.

#### *4.4 Jaminan Keadilan Untuk Semua*

Islam tidak hanya menjamin keadilan bagi penganutnya, tetapi juga kepada seluruh umat manusia, tanpa mengira agama dan bangsa. Ekoran daripada itu, tiada agama dan sistem hidup di dunia ini yang menjamin keadilan secara mutlak terhadap sesiapa pun sebagaimana yang dijamin oleh Islam. Ketika agama ini menyeru para penganutnya supaya menegakkan keadilan kerana Allah SWT dan berurusan secara langsung dengan Dia serta menafikan segala pandangan dan pertimbangan yang lain. Dengan asas-asas yang wujud dalam Islam, maka ia menjadi agama insan yang bersifat sejagat, menjamin bagi seluruh manusia sama ada penganutnya ataupun bukan. Mereka mempunyai hak menikmati keadilan di bawah naungannya, manakala agama menuntut penegakan keadilan sebagai satu fardu ke atas para penganutnya. Orang beriman berinteraksi secara langsung dengan Allah SWT meskipun mereka menerima kemarahan dan kebencian manusia (Qutb, t.th.).

#### *4.5 Keadilan Sebagai Pelindung Daripada Nafsu*

Natijahnya dengan berlaku adil boleh menghantar seseorang kepada ketakwaan dan menjadi perisai ampuh kepada bisikan nafsu syahwat. Ketakwaan paripurna yang terhasil ini tidak memburukkan apa-apa jua perkara kebaikan. Hal itu kerana keadilan merupakan 'penguasa' yang mengurus tadbir jiwa daripada gejolak nafsu syahwat dan membentuk sifat takwa (Ibn 'Ashur, 1984). Dengan mengaplikasikan keadilan maka orang beriman menjadi ahli takwa di sisi Allah SWT. Mereka disifatkan sebagai individu yang takut dan berhati-hati daripada menentang segala apa yang diperintahkan-Nya ataupun melakukan sesuatu daripada pelbagai bentuk kemaksiatan (al-Tabari, 1994).

### **5. KESIMPULAN**

Usaha menjana keharmonian masyarakat dapat diperkukuh menerusi pendekatan berlandaskan keadilan sebagaimana yang digariskan dalam surah al-Mā'idah [5] ayat 8. Ayat ini menekankan bahawa prinsip keadilan

adalah asas utama dalam mengekalkan keharmonian sosial, tanpa mengira perbezaan agama atau etnik. Kepentingan ini melahirkan wacana dalam kalangan mufasirun seperti yang diterokai secara kritis pada penulisan ini.

Lafaz ayat *i'dilū huwa aqrab li al-taqwā* menekankan konsep keadilan, di mana Allah SWT melarang orang beriman pada peringkat awal untuk dikuasai oleh sifat kedengkian sehingga meninggalkan sikap adil. Kemudian di peringkat kedua Allah SWT memerintahkan mereka untuk berlaku adil secara tegas. Lantas Allah SWT memperbaharui kepercayaan mereka dan menyebutkan sebab utama perintah untuk berlaku adil, iaitu firman Allah SWT *{huwa aqrab li al-taqwā}*. Ia bermaksud keadilan itu sebahagian daripada takwa atau berhubung kait dengan takwa, ataupun lebih hampir (*aqrab*), kerana keadaan adil yang akrab dengan takwa. Ayat ini juga mengandungi peringatan untuk kekal menjaga hak orang beriman pada perkara keadilan sebagaimana Allah SWT turut memerintahkan untuk berlaku adil terhadap orang kafir. Oleh itu, pentafsiran mufasirun telah menatijahkan sikap positif untuk tidak membiarkan perasaan benci terhadap sesuatu kaum menjadi pendorong untuk tidak berlaku adil kepada mereka. Keadilan perlu kekal diamalkan terhadap setiap orang sama ada kawan ataupun lawan yang melahirkan takwa dalam rahim keimanan.

Penulisan ini juga mengusulkan agar pendekatan praktikal diterapkan dalam konteks dunia Islam yang sering berkekrisis. Pemimpin agama, ulama, dan mufasirun diharapkan dapat mempromosikan wacana keadilan yang inklusif dalam masyarakat, memperkukuh sikap positif yang menolak diskriminasi atas dasar kebencian atau perbezaan etnik dan agama. Kesedaran ini harus dipupuk dari peringkat individu hingga ke struktur masyarakat yang lebih luas, demi melahirkan masyarakat yang berteraskan takwa dan keadilan, tanpa mengira latar belakang. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kolektif kita untuk mengekalkan prinsip keadilan dalam setiap aspek interaksi sosial, sebagai manifestasi keimanan dan takwa yang sejati.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan kewangan atau bukan kewangan dalam perkara atau bahan yang dibincangkan dalam artikel ini.

## PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Islam Selangor (UIS) atas sokongan yang berharga sepanjang proses penyelidikan dijalankan.

## SUMBANGAN PENULIS

Artikel ini adalah hasil sumbangan saintifik yang signifikan dalam penyelidikan yang dilakukan oleh tiga pengarang. Abur Hamdi Usman mengumpul dan menganalisis data. Zaidul Amin Suffian Ahmad melakukan semakan dan penyuntingan. Bayu Taufiq Possumah memastikan metodologi yang digunakan adalah sesuai dan mencapai objektif penulisan.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman, N. F., & Khambali, K. M. (2013). Religious tolerance in Malaysia: Problems and challenges. *International journal of Islamic thought*, 3, 81-91. <https://doi.org/10.24035/ijit.3.2013.007>.
- Abū Ḥayyān, M. Y. (2010). *Al-Baḥr al-Muḥīṭ*. Jil. 4. Beirut: Dār al-Fikr.
- Abū Zamanīn, A. 'A. M. (2002). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīz*. Jil. 2. Kaherah: al-Fāruq al-Ḥadīthiyah.
- Ahmad Yusoff, A. A., Lim Abdullah, M. R. T., Al-Amin Endut, M. N., Abdul Aziz, E., & Talib, A. T. (2018). Indicators for Socio-Religious Harmony Index (SRHI) Instrument for Malaysia: Findings of FDM Expert Panel. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*. 26(S), 55-72. Diperolehi daripada <https://core.ac.uk/reader/159130390>.

- Alias, B., Ismail, H., & Sa'ari, C. Z. (2014). Perpaduan kaum di Malaysia: Suatu penilaian. Dlm. *eProceedings TeSSHI 2014* (142-161). Diperolehi daripada <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/35444/>.
- Al-Alūsī, M. S. (2008). *Rūḥ al-Ma'ānī fī Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm wa Sab' al-Mathānī*. Jil. 5. Beirut: Dar Ihya' al-Turāth al-'Arabī.
- Anon. (1992). *Al-Tafsīr al-Wasīṭ li al-Qur'ān al-Karīm*. Jil. 1. Kaherah: Majma' al-Buḥūṭh al-Islāmiyyah.
- Baharun, S. (2023). *Perpaduan Kaum: Keharmonian Negara di Tahap Mana?* Diperolehi daripada Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM) website: <https://ikram.org.my/perpaduan-kaum-keharmonian-negara-di-tahap-mana/>.
- Al-Baghawī, A. M. H. (1989). *Ma'ālim al-Tanzīl*. Jil. 3. Riyadh: Dār al-Ṭayyibah.
- Bashīr al-Azdī, M. S. (2002). *Tafsīr Muqātil ibn Sulaymān*. Jil. 1. Beirut: Mu'assasah al-Tārikh al-'Arabī.
- Al-Bayḍāwī, 'A, 'U. (2015). *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl*. Jil. 2. Beirut: Dar Ihya' al-Turāth al-'Arabī.
- Fakhr al-Dīn al-Rāzī, M. 'U. (1981). *Mafātīḥ al-Ghayb*. Jil. 11. Beirut: Dār al-Fikr.
- HAMKA. (1984). *Tafsīr al-Azḥar*. Jil. 6. Surabaya: Yayasan Nurul Islam.
- Ibn 'Ashūr, M. T. (1984). *Tafsīr al-Taḥrīr wa al-Tamwīr*. Jil. 6. Tunisia: Dār al-Ṭūnisīyyah.
- Ibn Kathīr, I. (2000). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. Jil. 5. Giza: Mu'assasah Qurṭubah.
- Makkī, A. T. Q. (2008). *Al-Hidāyah ilā Bulūgh al-Nihāyah*. Jil. 3. UAE: Jāmi'ah al-Shāriqah.
- Al-Māturīdī, A. M. (2005). *Ta'wīlāt Ahl al-Sunnah Tafsīr al-Māturīdī*. Jil. 5. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Mohd Khalli, M. N., Sintang, S., & Marinsah, S. A. (2020). Rahmatan Lil 'Alamin kerangka konsep keharmonian di Malaysia. *Jurnal Sains Insani*, 5(2), 32-42. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol5no2.129>.
- Mohd Sanusi, R. (2023, April 3). Indeks Malaysia Negara Rahmah 2022 catat tahap sederhana. *Sinar Harian*. Diperolehi daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/252720/berita/nasional/indeks-malaysia-negara-rahmah-2022-catat-tahap-sederhana>.
- Al-Qāsimī, M. J. (1957). *Maḥāsīn al-Ta'wīl*. Damsyik: 'Isā al-Bābī al-Ḥalabī.
- Al-Qurṭubī, A. B. (2006). *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān wa al-Mubayyin limā Taḍammanahu min al-Sunnah wa Āyi al-Furqān*. Jil. 7. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- Quṭb, S. (t.th.). *Fī Zīlāl al-Qur'ān*. Jil. 2. Beirut: Dār al-Shurūq.
- Saat, I. (2021). History of the elements of people's unity. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 13(1), 48-58. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol13.1.5.2021>.
- Al-Sa'dī, 'A. R. N. (2002). *Taysīr al-Karīm al-Rahmān fī Tafsīr al-Kalām al-Mannān*. Riyadh: Dār al-Salām.
- Al-Samarqandī, A. L. N. (1993). *Baḥr al-'Ulūm*. Jil. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Shawkānī, M. 'A. (t.th.). *Fatḥ al-Qaḍīr: al-Jāmi' bayn Fannay al-Riwāyah wa al-Dirāyah min 'Ilm al-Tafsīr*. Jil. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Shihab, M. Q. (2011). *Tafsīr al-Mishbāh: Pesan, kesan dan keserasian al-Qur'an*. Jil. 3. Jakarta: Lentera Hati.

- Al-Suyūṭī, J. A. R. (2011). *al-Dur al-Manthūr fī al-Tafsīr bi al-Ma'thūr*. Jil. 3. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Ṭabarī, A. J. J. (1994). *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āyi al-Qur'ān*. Jil. 3. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- Al-Ṭabarī, A. J. J. (t.th.). *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āyi al-Qur'ān*. Jil. 10. Kaherah, Mesir: Dār al-Ma'ārif.
- Al-Thā'labī, A. A. I. (2015). *Al-Kashf wa al-Bayān 'an Tafsīr al-Qur'ān*. Jeddah: Dār al-Tafsīr.
- Usman, A. H., & Ahmad, H. (2019). Konsep firasat menurut al-Quran: Analisis tematik wacana mufasirin: The concept of clairvoyance from the Quran: Thematic analysis in exegetes discourse. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(1), 1-11. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v4i1.42>.
- Al-Wāḥidī, A. H. 'A. (1995). *Al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-'Aẓīz*. Jil. 1. Damsyik: Dār al-Qalam.
- Al-Zamakhsharī, M. 'U. (2009). *Tafsīr al-Kashshāf 'an Ḥaqā'iq al-Tanzīl wa 'Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta'wīl*. Jil. 6. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Al-Zuḥaylī, W. (1998). *Al-Tafsīr al-Munīr fī al-'Aqīdah wa al-Sharāh wa al-Manhaj*. Jil. 6. Damsyik: Dār al-Fikr.

#### Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.

